

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang perancangan terbaru Kerajaan dalam melaksanakan Koridor Ekonomi di seluruh negara. Berapakah dana yang sudah dan akan dikeluarkan untuk merealisasikan pelaksanaan tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama penubuhan Wilayah Koridor Ekonomi adalah untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dan juga bagi merapatkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Wilayah-wilayah Ekonomi Koridor, iaitu Iskandar Malaysia (IM), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang telah ditubuhkan adalah hasil daripada penelitian bahawa terdapat wilayah atau kawasan agak ketinggalan dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Usaha ini juga diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan per kapita dan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan yang tinggi di negeri atau kawasan yang kurang membangun serta jurang dari segi infrastruktur dan kemudahan utiliti dalam kalangan negeri di Semenanjung, serta antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM10.8 bilion dari tahun 2008 sehingga 2014 kepada kelima-lima Wilayah Ekonomi Koridor tersebut bagi melaksanakan sebanyak 322 projek, merangkumi antaranya projek-projek infrastruktur, ekonomi, bekalan air, perumahan, pembangunan modal insan dan sebagainya.

Kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek-projek serta memberi fokus kepada memperkukuh dan memantapkan lagi Wilayah Ekonomi Koridor sedia ada. Dalam Konteks ini, peruntukan yang diperlukan bagi meneruskan agenda merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pada tahun-tahun mendatang akan terus disediakan oleh Kerajaan. Walau bagaimana pun, memandangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) masih lagi di peringkat penyediaan, maka adalah terlalu awal untuk menyatakan jumlah peruntukan dan senarai program serta projek-projek yang akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.